



KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN KETERJAMINAN MAKANAN



# SOALAN LAZIM

## PROGRAM AGROPRENEUR MUDA

### 1 Apakah manfaat yang saya boleh peroleh dengan mengikuti Program Agropreneur Muda?

Program Agropreneur Muda menyediakan bantuan geran dalam bentuk barangan sehingga RM20,000 dan juga khidmat nasihat teknikal daripada Jabatan/Agensi pembimbing.

### 2 Apakah syarat-syarat untuk memohon Geran Agropreneur Muda di bawah Program Agropreneur Muda ini?

Syarat permohonan:

- Warganegara Malaysia berumur antara 18-40 tahun
- Boleh membaca, mengira dan menulis
- Wajib mengikuti program latihan teknikal anjuran Jabatan/Agensi berkaitan (bagi usahawan projek baharu)
- Berpendapatan bersih kurang dari RM5,000 sebulan
- Mempunyai tanah/ premis sedia ada untuk pelaksanaan projek (milikan sendiri, sewa atau kebenaran pemilik)
- Digalakkan mempunyai SSM atau lesen yang berkaitan dengan projek yang dipohon.

IMBASAN PAUTAN  
PORTAL GERAN  
AGROPRENEUR MUDA  
DALAM TALIAN





KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN KETERJAMINAN MAKANAN



# SOALAN LAZIM

## PROGRAM AGROPRENEUR MUDA

**3**

**Bilakah tarikh permohonan bermula dan tarikh tutup permohonan Geran Agropreneur Muda?**

Permohonan Geran Agropreneur Muda dibuka sepanjang tahun.

**4**

**Bolehkah saya menghantar terus permohonan saya ke Unit Agropreneur Muda (UAM), KPKM?**

Permohonan perlu dikemukakan ke Pejabat Jabatan/Agensi Daerah yang sesuai dan berdekatan dengan lokasi projek anda bagi mendapatkan sokongan dan ulasan teknikal projek atau dibuat secara dalam talian melalui: <https://app-egam.kpk.gov.my>.

**5**

**Berapa lamakah tempoh kelulusan permohonan geran?**

Permohonan geran ini akan dinilai di pelbagai peringkat bermula dari daerah, negeri dan ibu pejabat. Keutamaan proses penilaian akan diberi kepada pemohon terawal. Secara umumnya, setiap permohonan yang layak akan diluluskan dalam tempoh di antara 2-3 bulan.

IMBASAN PAUTAN  
PORTAL GERAN  
AGROPRENEUR MUDA  
DALAM TALIAN





KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN KETERJAMINAN MAKANAN



# SOALAN LAZIM

## PROGRAM AGROPRENEUR MUDA

6

**Saya adalah pelajar lulusan Sijil / Diploma / Ijazah dalam bidang pertanian, perikanan, ternakan dan industri asas tani dari IPTA. Bolehkah ia diterima menggantikan sijil kursus?**

Boleh jika ia berkaitan dengan bidang yang diceburi. (Contohnya: mempunyai Diploma Perladangan, ingin menjalankan projek tanaman cili bara).

7

**Saya telah mengusahakan ternakan air tawar selama 5 tahun tetapi tidak mempunyai sebarang sijil kursus berkaitan dengan projek yang dipohon. Bolehkah saya memohon?**

Boleh. Individu yang telah mempunyai projek sedia ada hendaklah mendapatkan perakuan dari pihak Jabatan/Agensi pembimbing bagi pertimbangan untuk dikecualikan dari menghadiri kursus/latihan teknikal di bawah Kementerian atau yang diiktiraf oleh pihak Kementerian.

8

**Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat kursus teknikal yang diperlukan?**

Anda boleh merujuk laman sesawang/media sosial Jabatan/Agensi pelaksana Program Agropreneur Muda dari semasa ke semasa.

IMBASAN PAUTAN  
PORTAL GERAN  
AGROPRENEUR MUDA  
DALAM TALIAN

